



SULIT

Bilangan Kami :

JPPPW/LIC/2500/10/14

19 Mac 2014

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan,

**PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH
AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011 (APPW)**

(1) SISTEM BERASASKAN SESAWANG (*WEB-BASED SYSTEM*)

(2) PEMBAHARUAN LESEN

Sistem berasaskan sesawang (*web-based system*)

Menurut perenggan 7.4.4 (a) Garis Panduan bagi Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang (BNM/RH/GL022-3), bagi pemegang lesen yang mempunyai pejabat cawangan dan ejen, sistem yang digunakan mesti berupaya untuk merekod transaksi perniagaan berasaskan waktu sebenar (*real time*), dan memudahkan pengagregatan transaksi perniagaan dengan setiap pelanggan di semua pejabat cawangan dan ejen bagi tujuan memastikan pematuhan terhadap had dalaman (*internal limits*) dan had pengawalseliaan (*regulatory limits*).

2. Sehubungan itu, pemegang lesen yang mempunyai cawangan dan agen adalah dikehendaki menggunakan sistem berasaskan sesawang bagi memenuhi keperluan di atas selewat-lewatnya sebelum **15 April 2014**.

3. Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan yang sewajarnya, sekiranya terdapat pemegang lesen yang tidak mematuhi kehendak di atas selepas tempoh yang ditetapkan.

Pembaharuan lesen

4. Seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 9 APPW dan perenggan 11.17 Garis Panduan Keperluan Tadbir Urus dan Operasi bagi Menjalankan Aktiviti Perniagaan Perkhidmatan Wang (BNM/RH/GL 022-2), pemegang lesen perlu mengemukakan permohonan lengkap pembaharuan lesen kepada Bank tidak lewat daripada **dua (2) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh lesen. Pihak Bank mendapati masih terdapat pemegang lesen yang tidak mematuhi peraturan ini. Sehubungan itu, pemegang lesen

adalah diingatkan supaya menghantar permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh masa yang ditetapkan.

5. Sekiranya pemegang lesen gagal mematuhi keperluan pembaharuan lesen seperti yang dinyatakan di atas, Bank berhak untuk menolak permohonan tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 9(4) APPW.

Yang benar,



(Shahariah Othman)

Pengarah

Jabatan Pengawasan Perniagaan Perkhidmatan Wang